

UM 13 JAN 2004

## Najib rasmi persidangan ASLI Khamis ini

KUALA LUMPUR 12 Jan. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan merasmikan Persidangan Tinjauan Strategik Malaysia 2004 pada hari Khamis ini di Hotel Renaissance di sini.

Najib juga akan menyampaikan ucapan bertajuk 'Malaysia Selepas Era Tun Dr. Mahathir: Cabaran dan Tindak Balas' pada persidangan yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI).

ASLI dalam kenyataannya di sini berkata, persidangan itu akan disertai oleh lebih 150 peserta itu dianjurkan bagi membolehkan para pengurus korporat dan peneraju perniagaan mendapat maklumat awal berkaitan proses pembuatan keputusan dan cabaran perniagaan untuk tahun ini.

Pelbagai isu akan dibincangkan pada tahun ini termasuk bagaimana mengekalkan kekuatan ekonomi negara seterusnya bertahan dalam persaingan antara dua gergasi ekonomi iaitu China dan India.

Selain itu, persidangan itu turut membincangkan mengenai polisi negara luar di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selain masa depan integrasi ekonomi ASEAN.

Di antara tokoh korporat yang akan menyertainya ialah Pengerusi Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) Tengku Datuk Zainal Rashid, Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), Datuk Jeffery Ng Tiong Lip.